



→ HALAMAN KOTA

[FOTO HAFIZ SOHAIMI]



Antara peniaga warga asing yang berniaga di Jalan Chow Kit.

AKTIVITI PERNIAGAAN YANG TIDAK DIBENARKAN OLEH WARGA SYARIKAT ASING DI KUALA LUMPUR

1. Penjaja/peniaga kecil 
2. Pasar raya/ pasar mini (kurang dari 3,000 meter persegi)
3. Kedai runcit
4. Kedai serbaneka 24 jam
5. Stesen minyak (dengan atau tanpa kedai runcit) 
6. Pasar basah kekal
7. Kedai kaki lima kekal/kiosk 
8. Tekstil/pakaian/kasut (kecuali jenama antarabangsa atau eksklusif)
9. Perniagaan beg (kecuali jenama antarabangsa atau eksklusif)
10. Restoran mamak/bistro/kafe (kecuali jenama antarabangsa atau eksklusif) 
11. Kedai barang kemas
12. Perniagaan produk herba (kelulusan Kementerian Kesihatan)
13. Perusahaan bengkel (kereta, motor, kaca dan aluminium kecuali jenama antarabangsa atau eksklusif)
14. Perniagaan runcit komputer dan aksesori
15. Perniagaan perabot kayu jati dan perabot am
16. Kedai gunting rambut
17. Kedai ubat tradisional Cina
18. Pusat siber
19. Gerai/kiosk makanan
20. Perniagaan kad prabayar/kad telefon lain dan aksesori telefon
21. Perniagaan dobi 
22. Industri spa

DBKL larang warga asing jalan 23 jenis perniagaan

BH
4/5/17
mls-13

➔ Kebanjiran peniaga luar jejas rakyat tempatan, cemar imej bandar raya

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyenaraikan 23 aktiviti perniagaan, tidak boleh dijalankan warga asing secara persendirian atau syarikat, dalam usaha mengurangkan kebanjiran mereka dalam sektor peruncitan dan perdagangan sekitar ibu negara.

Senarai aktiviti perniagaan yang tidak dibenarkan itu, ter-

kandung dalam garis panduan ketika DBKL mempertimbangkan permohonan lesen premis perniagaan oleh peniaga atau syarikat milik warga asing.

Pengarah Jabatan Perancangan Korporat DBKL, Khalid Zakaria, berkata pihaknya menggalakkan penyertaan syarikat dan warga asing yang sah sebagai sebahagian daripada komuniti perniagaan di ibu negara, selaras dasar semasa kerajaan.

Bagaimanapun, katanya dalam kerancangan aktiviti itu, DBKL menghadapi kebanjiran peniaga warga asing yang tidak terkawal, sekali gus memberikan impak tidak baik kepada peniaga tempatan serta mencemarkan imej bandar raya.

Siap garis panduan

“Bagi mengawal keadaan itu, DBKL menyiapkan garis panduan khusus yang diselaraskan dengan keperluan agensi penggalakan pelaburan atau pihak berkuasa kawal selia lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan



Secara dasarnya, DBKL tiada halangan membenarkan aktiviti perniagaan dan perdagangan dijalankan syarikat atau peniaga warga asing yang mendapat perakuan dan kebenaran agensi penggalakan pelaburan atau pihak berkuasa kawal selia seperti MITI, KPDNKK, MIDA dan InvestKL”

Khalid Zakaria,
Pengarah Jabatan
Perancangan Korporat DBKL

(KPDNKK), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), InvestKL dan sebagainya.

“Secara dasarnya, DBKL tiada halangan membenarkan aktiviti perniagaan dan perdagangan dijalankan syarikat atau peniaga warga asing yang mendapat perakuan dan kebenaran agensi penggalakan pelaburan atau pihak berkuasa kawal selia seperti MITI, KPDNKK, MIDA dan InvestKL,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Khalid berkata, DBKL akan menyemak semua permohonan lesen perniagaan serta menentukan jenis perniagaan yang dibenarkan kepada syarikat atau peniaga warga asing di bandaraya ini.

Beliau berkata, pihaknya tiada halangan mempertimbangkan permohonan lesen kepada syarikat atau warga asing dengan melihat kepada beberapa aspek iaitu syarikat hendaklah berdaftar dengan modal lebih daripada RM1 juta dan tidak beroperasi di lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warga asing.

ASPEK YANG AKAN DIPERTIMBANGKAN DBKL UNTUK PERMOHONAN LESEN

- » Syarikat berdaftar dengan modal lebih daripada RM1 juta
- » Syarikat tidak beroperasi di lokasi perniagaan yang dikenal pasti menjadi tumpuan peniaga warga asing:
 - a) Jalan Silang/Jalan Tun Tan Siew Sin dan sekitarnya
 - b) Jalan Bukit Bintang dan sekitarnya
 - c) Leboh Ampang/Leboh Pasar dan sekitarnya
 - d) Jalan Chow Kit/Jalan Tuanku Abdul Rahman dan sekitarnya
 - e) Jalan Masjid India dan sekitarnya
 - f) Jalan Kenanga dan sekitarnya
 - g) Pusat Bandar Utara, Selayang
 - h) atau kawasan lain yang dimaklumkan dari semasa ke semasa
- » Syarikat hanya beroperasi dengan aktiviti perniagaan sebagai pejabat urusan sahaja
- » Syarikat mendapat perakuan atau sokongan daripada agensi penggalakan pelaburan atau pihak berkuasa kawal selia seperti MITI, KPDNKK, MIDA, InvestKL, Bank Negara Malaysia
- » Syarikat yang membawa produk/perkhidmatan dengan jenama antarabangsa dan eksklusif yang tidak terdapat di Malaysia